



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS HIMPUNAN BULANAN DAN BICARA BIODIVERSITI KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Saya telah menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan Bicara Biodiversiti pada 24 Mei 2023 bersempena sambutan Hari Biodiversiti Antarabangsa (International Day of Biodiversity - IDB) 2023 yang disambut pada tanggal 22 Mei setiap tahun di seluruh dunia.

IDB disambut bagi memperingati pemuktamadan teks Konvensyen Kepelbagaian Biologi (Convention on Biological Diversity – CBD) di Sidang Kemuncak Bumi Rio pada 22 Mei 1992 dan meningkatkan kesedaran global berkenaan kepentingan biodiversiti dan ekosistem kepada kelangsungan hidup masyarakat sejagat.

Dengan tema sambutan IDB 2023 “Daripada Persetujuan kepada Tindakan: Membina Kembali Biodiversiti”, Malaysia akan terus mengambil langkah yang responsif terhadap agenda biodiversiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini termasuk mengukuhkan tadbir urus pengurusan biodiversiti melalui Majlis Biodiversiti Negara, menyelaras Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework ke dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 dan menubuhkan Pusat Biodiversiti Malaysia (Malaysia Biodiversity Centre - MBC).

Saya turut melancarkan buku Trappers in Nature – The Nepenthes of Peninsular Malaysia dan menyampaikan anugerah antarabangsa Clearing House Mechanism (CHM) yang telah diterima oleh Malaysia Biodiversity Information System (MyBIS) daripada Sekretariat Convention on Biological Diversity (CBD).

Sebagai salah satu daripada 17 buah negara wilayah biodiversiti mega (megadiverse), NRECC akan terus menerajui pengurusan biodiversiti di peringkat kebangsaan dengan kerjasama padu daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan semua pihak berkepentingan. Langkah ini adalah penting untuk memastikan khazanah biodiversiti negara akan sentiasa terpelihara untuk generasi kini dan akan datang.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

24 MEI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia